

D893

U B496 BAH
GHAFAR - PENGGANTI R R R R

SKUDAI (JOHOR), 31 DIS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA BERKATA, BELIAU MAHUKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TERUS MENJADI PERDANA MENTERI SEHINGGA MANA YANG BELIAU BOLEH.

+SAYA MENDOAKAN SUPAYA BELIAU PANJANG UMUR DAN DAPAT MENERAJUI KERAJAAN SEHINGGA MANA YANG BELIAU BOLEH, DAN SAYA AKAN SENTIASA MENYOKONG BELIAU SEBAGAI PERDANA MENTERI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA, DI SINI HARI INI.

ENCIK GHAFAR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS KENYATAAN DATUK SERI DR MAHATHIR, BARU-BARU INI YANG ENCIK GHAFAR AKAN MENGGANTIKANNYA SEBAGAI PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI.

DALAM WAWANCARA AKHIR TAHUNNYA DENGAN MEDIA TEMPATAN AWAL MINGGU INI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN TERUS MENERAJUI KERAJAAN SELAGI RAKYAT MAHUKAN PERHIDMATANNYA DAN BERGANTUNG KEPADA KEUPAYAANNYA SENDIRI UNTUK BERBAKTI KEPADA RAKYAT.

ENCIK GHAFAR MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS PENGHORMATAN YANG DIBERIKAN KEPADANYA OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI
1604MST 31 12 89

D894

U B497 AAB
GHAFAR - PENGGANTI 2 SKUDAI R R R R

ENCIK GHAFAR MENYIFATKAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG MATANG DAN MELALUI USAHANYA SELAMA INI TELAH MENGHARUMKAN NAMA MALAYSIA DI MATA DUNIA HARI INI.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MOHAMED RAHMAT SEMASA MERASMIKAN KHEMAH KERJA DAN ORIENTASI PILIHANRAYA UMNO BAHAGIAN PULAI, DI SINI, PULA BERKATA SEMUA PIHAK TIDAK HARUS MEMBANGKITKAN LAGI SOAL PENGGANTI KEPADA PRESIDEN UMNO, KERANA PERDANA MENTERI TELAH PUN MENAMAKAN PENGGANTI BELIAU.

BELIAU BERKATA, SEMUA PIHAK HENDAKLAH MENGHORMATI KEPUTUSAN PERDANA MENTERI ITU.

DATUK MOHAMED, YANG JUGA MENTERI PENERANGAN BERKATA, BELIAU MENYOKONG PENUH KENYATAAN PERDANA MENTERI DALAM WAWANCARA ITU, YANG TRADISI PARTI MESTILAH DIKEKALKAN.

SEMASA WAWANCARA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MENURUT TRADISI UMNO, PENGGANTI KEPADA PERDANA MENTERI ADALAH TIMBALANNYA DALAM PARTI ITU.

-- BERNAMA

1612MST 31 12 89

U B498 AAB
GHAFAR - PENGGANTI 3 SKUDAI R R R R

DATUK MOHAMED BERKATA, SESIAPA YANG AKAN MENJADI TIMBALAN KEPADA ENCIK GHAFAR DALAM UMNO KELAK, BIARLAH DIPUTUSKAN OLEH ANGGOTA DAN PEMIMPIN UMNO.

KATANYA, SEMUA PIHAK TIDAK PERLU MEMBINCANGKAN TENTANG KEDUDUKAN NOMBOR DUA INI KERANA BELIAU BIMBANG IA BOLEH MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN.

+KITA TIDAK BOLEH MELALUI PROSES INI (PERPECAHAN) KERANA JIKA BERLAKU BERPUAK-PUAK DAN KOMPLIT DALAM UMNO, SUDAH PASTI PARTI INI AKAN MENJADI LEMAH,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, TUGAS PARTI SEKARANG IALAH BAGI MEMPERELOKAN LAGI ASAS-ASAS POLITIK UMNO SUPAYA IA BERUPAYA MENCAPAI KEKUATAN UNTUK MEMERINTAH NEGARA. -- BERNAMA

1619MST 31 12 89

0000